

<b>Headline</b>	Ruangan menunggu PICU HRPZ II dinaik taraf
<b>Media Title</b>	Harian Metro Online (My Metro)
<b>Date</b>	13 April 2017
<b>Section</b>	News
<b>Language</b>	Malay
<b>Frequency</b>	Daily

## Ruangan menunggu PICU HRPZ II dinaik taraf



DR Selasawati (tiga kiri) bersama Norhana (kiri) ketika Majlis Penyerahan Projek CSR Ruang Menunggu Pusat Penjagaan Intensif Pediatrik (PICU) di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII), di sini, semalam. FOTO Fariz Zainuddin

<b>Headline</b>	Ruangan menunggu PICU HRPZ II dinaik taraf
<b>Media Title</b>	Harian Metro Online (My Metro)
<b>Date</b>	13 April 2017
<b>Section</b>	News
<b>Language</b>	Malay
<b>Frequency</b>	Daily

## (Cont'd)

**Hazira Ahmad Zaidi**

*am@hmetro.com.my*

---

Kota Bharu: Ruangan menunggu di Pusat Penjagaan Intensif Pediatrik (PICU), Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini dinaik taraf untuk beri keselesaan kepada ibu bapa mahupun penjaga yang menunggu anak mereka.

Projek naik taraf itu ditanggung sepenuhnya syarikat perumahan, Symphony Life Berhad.

Pengarah HRPZ II, Dr Selasawati Ghazali berkata, ruangan itu kini dibuka secara 24 jam yang dibahagikan kepada dua bilik iaitu untuk penjaga lelaki dan perempuan.

Katanya, ia juga boleh memuatkan antara 10 ke 15 orang dalam satu-satu masa berbanding sebelum ini.

"Turut disediakan kemudahan lain untuk keselesaan penjaga yang menunggu pesakit seperti sofa, bahan bacaan dan lain-lain lagi.

"Kami sangat menghargai usaha syarikat menaik taraf ruangan ini supaya lebih selesa demi keselesaan penjaga dan lebih selamat." katanya ketika Majlis Penyerahan Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ruang Menunggu PICU di HRPZ II, di sini, hari ini.

Projek dimulakan 6 Mac lalu dan siap sepenuhnya pada 10 April.

Turut hadir, Pengurus Komunikasi Symphony Life Berhad, Norhana Ismail dan Ketua Jabatan Pediatrik HRPZII, Dr Mariana Daud.

Sementara itu, Norhana berkata, inisiatif itu pertama kali dilakukan pihaknya di hospital untuk memberi keselesaan kepada keluarga pesakit.

"Seperti sedia maklum, proses menunggu pesakit kanak-kanak kadangkala mengambil masa yang agak lama dan dengan menaik taraf kawasan menunggu ini, ia bakal memberi kemudahan dan keselesaan yang lebih baik untuk ibu bapa dan penjaga pesakit," katanya.

Headline	Ruang menunggu di PICU HRPZII Beri Keselesaan Keluarga Pesakit
Media Title	BERNAMA.com
Date	13 April 2017
Section	News
Language	Malay
Frequency	Daily



# BERNAMA.com

English | Malay | Mandarin | عربي | Español

## AM > BERITA



# Ruang Menunggu Di PICU HRPZII Beri Keselesaan Keluarga Pesakit



Dr Selasawati Ghazali (kanan) dan Pengurus Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Symphony Life Bhd Norhana Ismail (kiri) semasa melawat ruang menunggu Unit Rawatan Rapi Pediatrik HRPZII Kota Bharu hari ini

KOTA BHARU, 11 April (Bernama) -- Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) di sini, kini tampil lebih selesa dengan kemudahan ruang menunggu di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) yang disumbangkan oleh Symphony Life Berhad.

Pengarah HRPZII Dr Selasawati Ghazali berkata ruang menunggu dengan rekaan moden kontemporari itu akan memberi keselesaan kepada ibu bapa dan waris yang datang ke hospital

berkenaan.

"Ianya dilengkapi dengan dua bilik, kipas, lampu dan soket kuasa bagi menambah keselesaan waris yang menunggu pesakit. Pada masa yang sama privasi antara waris lebih terjaga dan keselamatan lebih terjamin," katanya....



Headline	Ruang menunggu Pediatrik HRPZII dinaik taraf
Media Title	BH Online
Date	13 April 2017
Section	News
Language	Malay
Frequency	Daily

**BH ONLINE**

## Ruang menunggu Pediatrik HRPZII dinaik taraf

Oleh Attirmidzie Rahman  
bhkb@bh.com.my

 Tweet

 Like  Share 94

 G+1 0



*PENGARAH Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Dr Selasawati Ghazali (tiga dari kiri) disaksi Pengurus Symphony Life Berhad (CSR), Norhana Ismail (kiri) melancarkan penyerahan Projek CSR Ruang Menunggu Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II). - Foto Faris Zainuddin*

Headline	Ruang menunggu Pediatrik HRPZII dinaik taraf
Media Title	BH Online
Date	13 April 2017
Section	News
Language	Malay
Frequency	Daily

(Cont'd)

## **BH** ONLINE

KOTA BHARU: Syarikat pemaju hartanah, Symphony Life Berhad, melakukan tanggungjawab korporat sosial (CSR) dengan menaiktaraf ruang menunggu di Pusat Penjagaan Intensif Pediatrik (PICU), Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII), di sini.

Pengarah HRPZII, Dr Selasawati Ghazali, berkata usaha syarikat berkenaan bertujuan memberi keselesaan dan kemudahan kepada ibu bapa yang menunggu anak mereka bagi mendapatkan rawatan.

"Kerja menaik taraf ruang menunggu yang sedia ada di hospital oleh Symphony Life Berhad adalah usaha bertepatan bagi membantu pihak hospital.

"Kerja pembinaan ini mengambil masa lebih kurang lima minggu dan hasilnya amat memberangsangkan kerana dengan reka bentuk moden kontemporari, ia dapat memberi keselesaan kepada pengguna," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Komunikasi Symphony Life Berhad, Norhana Ismail dan Ketua Jabatan Pediatrik HRPZII, Dr Mariana Daud.

Sementara itu, Norhana berkata, inisiatif ini pertama kali dilakukan pihaknya di hospital untuk memberi keselesaan kepada keluarga pesakit.

"Seperti sedia maklum, proses menunggu pesakit kanak-kanak kadangkala mengambil masa yang agak lama dan dengan menaiktaraf kawasan menunggu ini, ia bakal memberi kemudahan dan keselesaan yang lebih baik untuk ibu bapa dan penjaga pesakit.

"Antara lain, privasi keluarga pesakit lebih terjaga dan keselamatan mereka juga